

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 8 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sedia ada dan mempromosi publisiti Taman Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 memandangkan ianya hutan simpanan tertua di Semenanjung Malaysia yang perlu dipelihara bagi tarikan pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur atau dikenali sebagai KL Forest Eco-Park merupakan Hutan Simpan pertama yang telah diwartakan pada tahun 1906, berkeluasan 9.37 hektar, di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa memberi perhatian kepada produk dan kemudahan pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaik taraf.

Di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM 6.5 juta bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Taman Eko-Rimba W.P Kuala Lumpur. Komponen yang dibiayai adalah pembinaan titian

kanopi, menaiktaraf *forest trails* berserta kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU), membina dataran, kemudahan tandas awam, kaunter tiket serta menaiktaraf denai sedia ada.

Selain itu, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui JPSM juga telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur seperti membaik pulih koleksi spesimen dan menaik taraf ruang simpanan dan pameran di Galeri Interaktif Taman Eko Rimba, Kuala Lumpur Bukit Nanas.

Kementerian, melalui Tourism Malaysia turut membantu dalam mempromosikan acara-acara di Menara Kuala Lumpur yang merupakan sebahagian daripada Taman Rimba Bukit Nanas seperti Turkish Airlines KL Tower International Towerthon Challenge 2019 pada 21 April 2019 dan KL Tower International Jump Malaysia 2019 yang telah diadakan dari 26 hingga 29 September 2019 yang lalu. Taman Rimba Bukit Nanas juga disenaraikan dengan pakej-pakej pelancongan di portal pelancongan antarabangsa seperti *Tripadvisor* disamping pakej-pakej oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan. Program, produk dan pakej yang berpotensi juga akan turut dipromosikan dan dihebahkan di laman sesawang khas VM2020 yang akan memaparkan senarai acara-acara bitara (*signature events*) di setiap negeri.

Sekian, terima kasih.